

## Notis Privasi: Aplikasi (Apl) Pasir

### Tujuan Aplikasi (Apl) Pasir

Apl Pasir digunakan untuk menganalisis pasir dan agregat secara digital, dan berbanding dengan cara penapisan kering tradisional, lebih pantas dan mudah alih. Keputusan yang diperolehi termasuk taburan saiz zarah dan maklumat bentuk zarah.

### Tangkapan Data (Apakah data yang kami kumpulkan dan cara kami menggunakan data peribadi anda)

Mengikut skop yang dilaksanakan, data peribadi pekerja Sika dan pengguna luar yang berikut boleh atau akan disimpan dan diproses pada Apl Pasir:

- Alamat e-Mel, nama pengguna, kata laluan, pelanggan (jika orang sebenar), lokasi pelanggan (tidak diwajibkan) dan sebarang data peribadi yang diberikan secara sukarela dalam komen pengguna.

Alamat e-mel, kata laluan dan nama pengguna diperlukan untuk log masuk ke dalam Apl. Data yang lain diperlukan untuk peningkatan sokongan teknikal kami.

Data yang dianalisis adalah dipautkan kepada sebuah pengguna (Mail-ID) untuk mendayakan fungsi yang berikut:

- Pastikan pengguna boleh mengakses dan memulihkan data mereka (Kawalan akses)
- Menyimpan persetujuan pengguna (penerimaan pengguna)
- Memahami cara Apl digunakan oleh pengguna-pengguna untuk menambah baik Apl
- Penyelesaian masalah sekiranya pengguna memerlukan sokongan

### Pengaksesan Data

Akses kepada sistem diberikan berdasarkan prinsip “perlu mengetahui” / “need-to-know”.

Luaran: akses kepada analisis sendiri dan yang berkongsi (tanpa data peribadi).

Pengguna dalaman biasa: akses kepada analisis sendiri dan yang berkongsi (tanpa data peribadi).

Pengguna dalaman super dan pasukan sokongan: akses kepada semua analisis pengguna dan data peribadi.

Pengguna super dan pasukan sokongan adalah pengguna-pengguna yang mempunyai akses kepada data anda untuk tujuan yang berikut:

Menyokong pengguna Apl jika mereka mempunyai soalan, menyemak kualiti analisis yang dilakukan untuk memberi maklum balas kepada pengguna, menganalisis cara Apl digunakan untuk menambah baik lagi Apl, sokongan operasi untuk Apl, semakan analisis untuk menambah baik lagi proses bahagian belakang.

## Notis Privasi: Aplikasi (Apl) Pasir

Kami tidak mendedahkan data peribadi anda kepada pihak ketiga melainkan anda telah secara jelas bersetuju dengan pendedahan tersebut atau kami diwajibkan atau berhak di sisi undang-undang untuk mendedahkan data disebabkan oleh keperluan undang-undang tempatan dan/atau perintah mahkamah kerajaan rasmi atau kami mempunyai kepentingan yang sah untuk berbuat demikian, seperti dalam kes penyelenggaraan dan sokongan. Dalam kes tersebut, langkah keselamatan teknikal disediakan untuk memastikan data dipindahkan dengan cara yang selamat (cth. penyulitan). Walau bagaimanapun, Sika tidak boleh dipertanggungjawabkan untuk pengaksesan yang tidak dibenarkan ataupun yang tidak diingini yang berada di luar kawalan Sika.

Data anda disimpan di pusat data yang terletak di Switzerland. Dengan terus menggunakan aplikasi perisian Sand App, anda bersetuju dengan pemindahan data peribadi anda ke tempat di luar Malaysia.

### Asas undang-undang

Asas undang-undang untuk memproses data peribadi anda ialah persetujuan anda.

### Tempoh tahanan

Sekiranya anda berhenti menggunakan Apl dan menjadi tidak aktif selama satu tahun, anda akan menerima notifikasi yang meminta anda untuk log masuk dalam Apl. Jika anda tidak log masuk dalam Apl dalam masa 30 hari selepas menerima notifikasi ini, data anda akan dipadamkan.

Anda boleh menjadi pengguna aktif Apl dan masih meminta pemadaman data peribadi anda melalui alamat e-mel yang dinyatakan di bawah.

### Orang yang Bertanggungjawab

Sika Kimia Sdn. Bhd.

Lot 689, Nilai Industrial Estate

71800 Nilai

Malaysia

Jika anda mempunyai sebarang soalan tentang notis privasi ini, sila hubungi Orang yang Bertanggungjawab atas Perlindungan Data anda di [privacy@my.sika.com](mailto:privacy@my.sika.com).

## Notis Privasi: Aplikasi (Apl) Pasir

### HAK ANDA:

#### (a) Hak untuk mengakses:

Anda mungkin mempunyai hak untuk mendapatkan pengesahan daripada kami sama ada data peribadi yang berkaitan dengan anda diproses atau tidak, dan, jika itu berlaku, untuk meminta akses kepada data peribadi anda. Maklumat akses ini termasuk – antara lain – penyediaan maklumat tentang tujuan pemprosesan, kategori data peribadi yang berkenaan, dan penerima atau kategori penerima di mana data peribadi telahpun atau akan didedahkan.

Walau bagaimanapun, ini bukanlah hak mutlak, dan kepentingan individu-individu yang lain mungkin boleh menyekat hak akses anda.

Anda boleh membuat permintaan mengakses data kepada kami secara bertulis untuk mendapatkan maklumat data peribadi anda yang sedang diproses dan untuk sesalinan data peribadi tersebut disampaikan kepada anda dalam bentuk yang boleh difahami. Jika kami tidak dapat mematuhi permintaan mengakses data anda, kami akan memaklumkan anda tentang penolakan kami dan sebab-sebab penolakan tersebut tidak lewat daripada dua puluh satu (21) hari dari tarikh kami menerima permintaan mengakses data anda.

Permintaan anda biasanya percuma. Kami mungkin mengenakan bayaran yang berpatutan berdasarkan kos pentadbiran sekiranya permintaan anda nyata tidak berasas atau berlebihan, khususnya kerana sifatnya yang berulang.

#### (b) Hak untuk membetulkan:

Anda mungkin mempunyai hak untuk mendapatkan daripada kami pembetulan data peribadi yang tidak tepat, tidak lengkap, mengelirukan atau yang tidak terkini mengenai anda. Jika anda menganggap ataupun mengetahui bahawa data peribadi anda adalah tidak tepat, tidak lengkap, mengelirukan atau tidak terkini, anda boleh membuat permintaan pembetulan data secara bertulis kepada kami supaya kami membuat pembetulan yang diperlukan pada data peribadi. Jika kami tidak dapat mematuhi permintaan pembetulan data anda, kami akan memaklumkan kepada anda tentang penolakan kami dan sebab-sebab penolakan tersebut tidak lewat daripada dua puluh satu (21) hari dari tarikh kami menerima permintaan pembetulan data anda.

#### (c) Hak untuk menarik balik persetujuan:

Anda boleh dengan notis bertulis kepada kami menarik balik persetujuan anda terhadap pemprosesan data peribadi anda. Jika anda menarik balik persetujuan anda, sila ambil perhatian bahawa anda tidak lagi dapat mengakses Apl Pasir kami. Pemprosesan data peribadi anda akan dihentikan apabila kami menerima notis anda untuk menarik balik persetujuan.

#### (d) Hak untuk menghalang pemprosesan yang mungkin menyebabkan kerosakan atau distres:

Dalam keadaan yang tertentu, anda boleh pada bila-bila masa melalui notis bertulis kepada kami (selepas ini dirujuk sebagai "notis subjek data") menghendaki kami pada penghujung apa-apa tempoh yang munasabah dalam hal keadaan itu, untuk menghentikan atau tidak memulakan pemprosesan data peribadi anda jika pemprosesan data peribadi itu berkemungkinan menyebabkan kerosakan yang substansial atau distres yang substansial kepada anda atau orang lain, dan kerosakan atau distres itu

## Notis Privasi: Aplikasi (Apl) Pasir

adalah atau akan menjadi tidak wajar. Kami hendaklah, dalam masa dua puluh satu (21) hari selepas menerima notis sedemikian daripada anda, memberikan anda notis bertulis yang menyatakan bahawa kami telah mematuhi atau berniat untuk mematuhi, ataupun, menyatakan sebab mengapa kami menganggap notis subjek data anda adalah tidak wajar, dan sejauh mana, jika ada, yang kami telah mematuhi atau berniat untuk mematuhi.

Jika anda tidak berpuas hati dengan kegagalan kami untuk mematuhi notis subjek data anda, sama ada secara keseluruhan atau sebahagian, anda boleh mengemukakan permohonan kepada Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi yang menghendaki kami untuk mematuhi notis subjek data anda. Sila ambil perhatian bahawa persetujuan anda untuk memproses data peribadi anda yang diberikan kepada kami diperlukan untuk mengakses Apl Pasir kami.

### **(e) Hak untuk menghalang pemprosesan bagi maksud pemasaran langsung:**

Anda boleh, pada bila-bila masa melalui notis bertulis kepada kami, menghendaki kami pada penghujung apa-apa tempoh yang munasabah dalam hal keadaan itu untuk memberhentikan atau tidak memulakan pemprosesan data peribadi anda bagi maksud pemasaran langsung. "Pemasaran Langsung" ertinya berkomunikasi dengan apa cara pun mengenai apa-apa bahan pengiklanan atau pemasaran yang ditujukan kepada individu tertentu.